

**PM Sumbang 20 Komputer Kepada Rumah Bakti Datuk Harun  
Bernama  
19 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyumbangkan 20 buah komputer kepada Rumah Bakti Datuk Harun (RBDH) di Hulu Klang di sini, pada Khamis.

Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Mohd Po'ad Jelani, yang mewakili Najib, menyampaikan sumbangan tersebut kepada Pengerusi RBDH Datuk Mohd Fahmi Ibrahim.

Mohd Fahmi yang ditemui pemberita selepas itu berkata, sumbangan tersebut diharap dapat memberi manfaat kepada 78 anak yatim yang tinggal di rumah tersebut.

"RBDH sangat menghargai pemberian (sumbangan) ini, diharap sumbangan ini dapat membantu meningkat celik IT penghuni rumah kebajikan ini," katanya.

Menurutnya seorang guru akan ditugaskan membimbing penghuni rumah kebajikan itu menggunakan komputer.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681860>

